

PERKAHWINAN BAWAH UMUR MENURUT SISTEM PERUNDANGAN DI MALAYSIA

CHILD MARRIAGE UNDER THE LEGAL SYSTEM IN MALAYSIA

Nurul Nadia Brahanuddin¹, Nur Bahirah Baharum¹

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Pahang, Malaysia

Abstrak

Isu perkahwinan kanak-kanak bawah umur mula dibahaskan oleh pelbagai lapisan masyarakat setelah berlakunya beberapa kes perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Artikel ini akan membincangkan tentang kedudukan perkahwinan bawah umur daripada perspektif undang-undang di Malaysia yang secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu undang-undang sivil dan Syariah. Selain itu, kaedah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen primer dan sekunder antara lainnya seperti peruntukan yang terkandung dalam Akta dan Enakmen-enakmen Negeri, kes-kes yang dilaporkan dan penulisan akademik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peruntukan berkaitan perkahwinan bawah umur di dalam undang-undang di Malaysia baik Sivil mahupun Syariah walaupun peruntukan dalam undang-undang Syariah berbeza-beza mengikut negeri. Selain itu, terdapat juga garis panduan yang digunapakai oleh Hakim-hakim dalam memutuskan suatu prosiding perkahwinan bawah umur. Namun demikian, tidak ada perincian secara spesifik di dalam garis panduan tersebut mengenai pertimbangan yang perlu diambil kira dalam memberikan kebenaran bagi perkahwinan yang melibatkan pasangan bawah umur. Artikel ini juga mendapati wujudnya implikasi negatif terhadap kanak-kanak hasil perkahwinan di bawah umur.

Kata kunci: Perkahwinan bawah umur, Had umur minimum, Peruntukan undang-undang, Implikasi.

Abstract

The issue of child marriage has become a topic of discussion among various segments of society following several cases of underage marriages in Malaysia. This article discusses the status of child marriage from the legal perspective in Malaysia, which is generally divided into two systems: civil law and Sharia law. This study adopts a qualitative approach through library research by analyzing primary and secondary documents, including provisions contained in Acts and State Enactments, reported cases, and

Perkembangan Artikel

Diterima:

Disemak:

Diterbit:

*Corresponding Author: Nurul Nadia Brahanuddin, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang;

Email: nadia@unipsas.edu.my

academic writings. The findings indicate that there are legal provisions related to child marriage in both the Civil and Sharia legal systems in Malaysia, although the provisions under Sharia law vary from state to state. Furthermore, there are also guidelines used by judges in deciding on proceedings involving underage marriages. However, the guidelines do not provide specific details regarding the considerations that should be taken into account when granting permission for marriages involving underage couples. The article also finds that there are negative implications for children resulting from child marriages.

Keywords: *Child marriage, Minimum age limit, Legal provisions, Implications.*

PENGENALAN

Perkahwinan di bawah umur merupakan suatu adat dan kebiasaan bagi masyarakat dahulu di Malaysia. Faktor sosioekonomi yang rendah serta kurangnya pendedahan akan pendidikan kesihatan reproduktif menjadikan ianya suatu adat yang diterima oleh masyarakat dahulu. Namun kini, perkahwinan di usia yang masih muda membawa pelbagai kesan dan impak negatif kepada kanak-kanak terbabit (Nik Wajis e.t, a.l, 2020). Menurut (Hashim e.t, a.l, 2019) menjelaskan isu perkahwinan bawah umur tidak sunyi daripada perbincangan. Perkahwinan sebegini mengundang kontroversi dan mencetuskan perdebatan pelbagai pihak kerana kes-kes sebegini terus berlaku. Berita Harian *Online* melaporkan bahawa Menteri Hal Ehwal Agama menyatakan sebanyak 881 kes perkahwinan bawah umur telah direkodkan di negeri Kelantan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2024 (Parzi, 2025)

Secara umumnya, perkahwinan bawah umur adalah sah di Malaysia. Ianya berlaku kerana kedua-dua undang-undang sivil dan Syariah membenarkan perkahwinan bawah umur (n.d, 2023). Secara jelasnya, di bawah undang-undang Malaysia, terdapat dua set undang-undang yang mengatur perkahwinan orang Islam dan bukan Islam termasuklah yang melibatkan kanak-kanak. Bagi orang bukan Islam, undang-undang utama yang mengawal perkahwinan mereka adalah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (LRA), manakala Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang ditadbirkan oleh setiap negeri mengatur perkahwinan orang Islam (Hassim e.t, a.l., 2020).

Statistik perkahwinan bawah umur direkodkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk lima tahun terkini menunjukkan trend penurunan yang ketara. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sebanyak 1,467 kes perkahwinan bawah umur direkodkan pada tahun 2019 dan angka itu terus menurun pada tahun-tahun berikutnya iaitu 1,354 kes (2020), 1,086 kes (2021), 1,035 kes (2022) dan 923 kes (2023) (Sani, 2025).

Antara faktor berlakunya penurunan tersebut mungkin boleh disimpulkan setelah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mengeluarkan satu Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Perkahwinan Bawah Umur melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2018 yang berkuatkuasa pada 28 September 2018 di mana ianya menjadi sumber rujukan pihak hakim sebelum memutuskan kes

permohonan perkahwinan bawah umur di mahkamah. Namun demikian walaupun berlaku penurunan terhadap kes perkahwinan bawah umur yang direkodkan, jumlahnya masih lagi di tahap yang tinggi. Isu ini perlu ditangani dengan segera memandangkan setiap perkara yang melibatkan kanak-kanak merupakan sesuatu yang perlu dipandang serius oleh semua pihak.

Perkahwinan di usia muda memberikan pelbagai kesan dan impak negatif kepada kanak-kanak terbabit, ibu bapa serta masyarakat setempat. Oleh demikian itu, artikel ini akan membincangkan tentang kedudukan perkahwinan bawah umur daripada perspektif undang-undang di Malaysia dari sudut sivil dan Syariah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah utama ialah kajian perpustakaan (*library research*). Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti dan menganalisis isu perkahwinan bawah umur daripada perspektif undang-undang Malaysia dari sudut sivil dan Syariah. Sumber data terdiri daripada bahan bertulis seperti jurnal akademik, artikel ilmiah, laporan rasmi kerajaan, laman web institusi berkaitan, dan buku rujukan yang membincangkan isu perkahwinan bawah umur, undang-undang keluarga Islam, serta penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah. Antara sumber utama yang dirujuk termasuk Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri, serta laporan dan statistik rasmi yang diterbitkan oleh agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Data yang diperoleh dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan tematik dan deskriptif. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama seperti definisi, faktor berlakunya perkahwinan bawah umur, perkahwinan bawah umur menurut undang-undang di Malaysia, dan implikasi perkahwinan bawah umur, manakala analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan data berdasarkan dokumen serta laporan yang diperoleh. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh gambaran yang menyeluruh dan mendalam terhadap isu perkahwinan bawah umur di Malaysia.

DEFINISI KANAK-KANAK DAN PERKAHWINAN BAWAH UMUR

Perkahwinan bawah umur dikaitkan dengan kanak-kanak kerana secara dasarnya kanak-kanak adalah individu yang masih lagi dikategorikan sebagai di bawah umur majoriti. Menurut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) melalui seksyen 2, kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur 18 tahun di mana mereka masih belum lagi mencapai usia dewasa.

Selain itu, seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 juga menetapkan bahawa umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan ialah dan adalah terhad kepada lapan belas tahun di mana tiap-tiap lelaki dan perempuan yang mencapai umur tersebut dianggap berumur dewasa di Malaysia. Oleh itu, kanak-kanak adalah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun.

Menurut perkara 1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (CRC) pula, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Isu berkenaan perkahwinan tidak

disebut secara spesifik dalam Konvensyen ini. Namun menurut Perkara 24 (3) telah menyatakan bahawa: “Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang berkesan dan sewajarnya dengan tujuan untuk menghapuskan amalan tradisional yang memudaratkan kesihatan kanak-kanak”. Justeru perkahwinan kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun boleh termasuk di bawah terma ‘amalan tradisional’ yang disebut dalam Perkara ini dan Malaysia perlu mengambil langkah berkesan dan efektif bagi tujuan ini kerana Malaysia merupakan antara negara yang telah menerima Konvensyen pada tahun 1995.

Walaupun majoriti undang-undang yang terpakai di Malaysia menetapkan umur kanak-kanak adalah di bawah usia lapan belas tahun, namun bagi had umur kanak-kanak yang memasuki perkahwinan bawah umur tidak terhad hanya kepada lapan belas tahun sahaja. Perkara ini kerana bagi isu perkahwinan bawah umur, had umur kanak-kanak tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang yang terpakai di tempat tersebut.

Perkahwinan bawah umur bagi orang bukan Islam di Malaysia tertakluk kepada Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 di mana ianya menetapkan had umur seseorang mestilah berusia lapan belas tahun. Sementara perkahwinan bawah umur bagi orang Islam adalah tertakluk kepada Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri yang mana peruntukan yang terkandung adalah berbeza bagi setiap negeri. Terdapat negeri yang memperuntukan perkahwinan bawah umur adalah bagi seseorang yang berumur bawah enam belas tahun namun ada juga negeri yang memperuntukan seseorang itu berumur bawah lapan belas tahun.

FAKTOR BERLAKU PERKAHWINAN BAWAH UMUR

Di Malaysia, amalan perkahwinan antara pasangan bawah umur terutamanya melibatkan kanak-kanak perempuan begitu meluas dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya. Dorongan utama berlakunya perkahwinan usia muda bagi kanak-kanak perempuan adalah kerana disebabkan faktor ekonomi. Keadaan dan taraf hidup yang miskin adakalanya menyebabkan ibu bapa mengambil keputusan mengahwinkan anak perempuan mereka yang masih kanak-kanak dengan matlamat untuk mendapatkan wang dari hantaran perkahwinan dan dengan adanya menantu lelaki, dianggap boleh mengurangkan bebanan mereka untuk menanggung keperluan anak Perempuan (Noor, 2013).

Seterusnya, perkahwinan sebagai perlindungan dan keselamatan di mana ada kalangan ibu bapa yang berpendapat bahawa perkahwinan itu dapat memberikan perlindungan kepada seorang anak perempuan dan ibu bapa berharap agar anak perempuan mereka dapat dilindungi daripada gangguan seksual dan juga jenayah rogol (Hamzah & Mohtar, n.d). Secara tidak langsung, apabila anak perempuan telah berkahwin, maka keselamatan anak perempuan akan berada di tangan suaminya.

Tambahan juga, perkahwinan bawah umur boleh berlaku disebabkan pasangan tersebut telah terlanjur berzina dan hamil anak tidak sah taraf, selain sebagai jalan keluar bagi mengelakkan seks bebas dikalangan remaja. Hal ini turut diakui oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Pasir Puteh yang menyatakan bahawa kebanyakan remaja yang membuat permohonan perkahwinan bawah umur adalah

disebabkan telah berzina dengan pasangannya dan ada yang telah hamil disebabkan perzinaan tersebut (Hazram & Azhari, 2021).

Selanjutnya, keciciran dalam pendidikan turut menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak. Ada kanak-kanak yang berhenti sekolah bukan sebab kemiskinan tetapi kerana sudah hilang minat untuk belajar disebabkan bekerja ataupun telah berkahwin. Oleh kerana itu, kerajaan sedang membuat kajian untuk mewajibkan semua kanak-kanak mengikuti pendidikan sehingga tamat tingkatan lima. Setakat ini, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] hanya mewajibkan pendidikan setakat sekolah rendah sahaja (Hamzah e.t, a.l, n.d).

PERKAHWINAN BAWAH UMUR MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Sistem perundangan di Malaysia adalah unik di mana ia terdiri daripada sistem Mahkamah Sivil dan sistem kehakiman Islam. Setiap sistem mahkamah di bawah sistem keadilan Malaysia mempunyai bidang kuasa masing-masing, yang jelas dan berbeza serta tidak bertindih antara satu sama lain. Sistem mahkamah sivil, yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan Malaysia diwarisi dari sistem British semasa era kolonial dan wujud di seluruh bahagian di Malaysia. Sistem keadilan mahkamah Syariah pula yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, wujud di semua negeri dan dibentuk di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan bidang kuasa antara lain, dalam pentadbiran keluarga Islam, undang-undang mal dan jenayah (Hassim e.t, a.l, 2020).

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini di atas, suatu perkahwinan kanak-kanak atau perkahwinan bawah umur telah diperuntukan dalam undang-undang di Malaysia melalui Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bagi orang bukan Islam di Mahkamah Sivil sementara bagi orang Islam pula telah diperuntukan melalui Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri di Mahkamah Syariah.

i. Sistem Perundangan Sivil

Secara umumnya, undang-undang perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang bukan Islam adalah terletak di bawah sistem perundangan sivil yang dinyatakan di bawah Senarai I (Senarai Persekutuan), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, peruntukan berkaitan prosedur perkahwinan, umur minimum perkahwinan dan juga kebenaran perkahwinan telah dijelaskan dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) bagi orang bukan Islam (Hassim e.t, a.l, 2020).

Akta 164 hanya terpakai kepada orang bukan Islam yang berdomisil di Malaysia termasuk orang yang bermastautin di luar Malaysia. Ia tidak terpakai kepada peribumi Sabah, Sarawak dan orang asli di Semenanjung Malaysia sekiranya mereka memilih untuk tidak berkahwin di bawah Akta ini sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 3(4) tersebut.

Di bawah Akta 164, had umur yang ditetapkan bagi perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah sama iaitu mestilah berumur 18 tahun. Seksyen 10 memperuntukkan

bahawa:

“10. Mana-mana perkahwinan yang berupa sebagai diupacarakan di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu daripada pihak-pihak berumur di bawah lapan belas tahun melainkan jika, bagi seseorang perempuan yang telah genap umur enam belas tahun, pengupacara perkahwinan itu telah dibenarkan oleh suatu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2).”

Namun demikian, terdapat pengecualian yang diberikan oleh undang-undang terhadap kanak-kanak perempuan yang ingin berkahwin di bawah umur 18 tahun di mana kanak-kanak tersebut memerlukan suatu lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2) Akta 164.

Seksyen 21 Akta 164 memberikan kuasa kepada Ketua Menteri untuk mengeluarkan lesen dalam keadaan tertentu di mana di bawah subseksyen 21(2) telah menjelaskan bahawa seorang kanak-kanak perempuan yang telah genap umur 16 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun dan ingin berkahwin boleh memohon lesen daripada Ketua Menteri atau Menteri Besar untuk berbuat demikian. Walaupun begitu, disyaratkan juga bahawa selagi mana kanak-kanak perempuan tersebut belum mencapai usia genap 16 tahun, maka tiada sebarang lesen akan dikeluarkan bagi tujuan perkahwinan kanak-kanak perempuan tersebut.

Selanjutnya di bawah subseksyen 21(5) Akta 164 pula telah mengariskan bahawa, suatu lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 21(2) seperti yang dinyatakan di atas hanya berkuat kuasa selama tempoh satu bulan daripada tarikh ia dikeluarkan dan mana-mana perkahwinan yang dilangsungkan setelah lesen itu luput, maka perkahwinan itu akan menjadi tidak sah dan terbatal. Subseksyen ini penting untuk pihak yang memohon ambil tahu bagi mengelakkan suatu perkahwinan bawah umur yang telah dibenarkan menjadi tidak sah dan batal.

Seterusnya melalui seksyen 12 pula, mana-mana orang sama ada lelaki atau perempuan yang belum mencapai usia genap 21 tahun tetapi telah mencapai umur dewasa seperti yang ditetapkan oleh Akta Umur Dewasa 1971 iaitu 18 tahun, sekiranya mereka hendak berkahwin maka perlu mendapatkan izin bertulis daripada bapanya. Sekiranya tiada bapa atau bapa telah meninggal, hendaklah mendapatkan izin bertulis dari ibunya. Namun sekiranya pihak-pihak tiada ibu bapa kandung, maka izin bertulis perlu diperoleh daripada mana-mana orang yang menjadi ganti kepada ibu bapa kandung pihak-pihak tersebut.

Berdasarkan (Maliki, 2020) menjelaskan peruntukkan-peruntukkan di atas, dapatlah dikatakan bahawa Akta 164 yang digunapakai dalam sistem perundangan sivil adalah lebih ketat dalam soal perkahwinan kanak-kanak di bawah umur bagi pasangan bukan Islam. Kanak-kanak perempuan yang belum mencapai umur genap enam belas tahun juga tidak dibenarkan untuk berkahwin.

Di bawah perundangan sivil di Malaysia juga, perkahwinan dengan kanak-kanak telah dibincangkan daripada pelbagai sudut perundangan. Disamping berlakunya isu pengabaian oleh

penjaga, perkahwinan bawah umur ini juga boleh membuka penelitian perundangan terhadap beberapa aspek lain lagi yang melibatkan dasar perlindungan kanak-kanak. Antaranya ialah, sekiranya terdapat unsur antun atau 'sexual grooming' dalam kes-kes perkahwinan dengan perempuan bawah umur di mana sekiranya disabitkan kesalahan di bawah Fasal 13 Bahagian III Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat. Sekiranya di sabitkan di bawah Fasal 14 Akta yang sama berkaitan Amang Seksual Fizikal ke atas Kanak-Kanak, pelakunya boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

Sementara itu, Seksyen 90(c) Kanun Keseksaan menjelaskan bahawa kerelaan bukanlah kerelaan bagi kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun. Justeru adalah menjadi tanggung jawab kepada lelaki tersebut untuk membuktikan bahawa status perkahwinan itu sah kepada pihak berkuasa. Selagi tiada bukti kukuh, pihak kerajaan akan menganggap bahawa mereka adalah pasangan yang belum berkahwin dan sebarang hubungan serta interaksi sesama mereka adalah tertakluk kepada pelbagai undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak di negara ini (Hashim e.t a.l, 2019).

ii. Sistem Perundangan Syariah

Sementara itu, bagi perkahwinan bawah umur untuk kanak-kanak yang beragama Islam pula adalah tertakluk di bawah sistem perundangan Syariah yang digunakan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Undang-undang utama yang dijadikan rujukan berkaitan perkahwinan adalah Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri.

Berdasarkan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Undang Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang Islam negeri. Bagi Wilayah Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai perkara undang-undang keluarga Islam seperti Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, yang terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya sementara Jabatan Hal Ehwal Agama di bawah setiap kerajaan negeri menguruskan perkahwinan untuk umat Islam. Oleh itu, terdapat 14 enakmen dan tatacara di Malaysia yang mengawal perkahwinan bagi umat Islam di mana masing-masing yang berasal dari setiap negeri di Semenanjung (terdiri daripada 11 Negeri Melayu), Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak (Hassim e.t, a.l, 2020).

Secara umumnya, undang-undang keluarga Islam di Malaysia membezakan tahap umur antara lelaki dan perempuan yang dianggapkan layak berkahwin di sisi undang-undang, iaitu lapan belas tahun bagi lelaki dan enam belas tahun bagi perempuan. Walau bagaimanapun, mereka yang berusia kurang dari tahap minima berkenaan dibenarkan berkahwin dengan syarat mendapat keizinan dari mahkamah terlebih dahulu (Noor, 2013).

Sebagai contoh melalui seksyen 8, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 menyatakan seperti berikut:

'Tiada perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu

berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberikan kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.'

Schubungan dengan itu, perkahwinan di bawah umur yang tidak mendapat kebenaran Hakim Syarie adalah suatu kesalahan dan boleh dijatuhkan hukuman tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Usaha murni ini juga dilihat selaras dengan tindakan pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) Permohonan Perkahwinan Bawah Umur melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM Bilangan 1 Tahun 2018 yang berkuat kuasa pada 28 September 2018 (Bernama, 2021) sebagai rujukan kepada mahkamah syariah di seluruh negara. Dengan SOP ini, hakim syarie boleh mempertimbangkan permohonan dari sudut dokumentasi seperti laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, laporan kesihatan dan polis yang mengambil kira maklumat latar belakang pemohon dan pasangan antaranya pendapatan, kedudukan sosial, kemampuan dan pendidikan.

Apabila wujudnya SOP yang dikeluarkan oleh pihak JKSM tersebut, ianya menjadi penanda aras kepada hakim-hakim syarie semasa membicarakan kes permohonan kahwin bawah umur di hadapannya. Penghakiman kes juga akan berbeza berbanding semasa SOP ini masih belum dikuatkuasakan sepertimana dalam kes *Kamariah bt Ahmad v Nur Asmira bte Abdullah* [2015] 3 SHLR 21 yang telah dibicarakan dan diputuskan pada tahun 2012.

Kes tersebut merupakan kes permohonan kahwin bawah umur di mana pihak perempuan yang ingin memohon untuk berkahwin masih lagi berumur 15 tahun 2 bulan. Maka dalam memutuskan kes tersebut, hakim hanya mengambil keterangan daripada pihak perempuan tersebut, ibu kepada pihak perempuan tersebut dan bakal suami pihak perempuan tersebut. Keterangan yang diambil juga hanya berkisar tentang kemampuan dari segi kewangan sahaja. Tidak ada keterangan yang diambil daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sedangkan ianya perlu memandangkan pemohon masih kanak-kanak di bawah umur.

Hakim dalam kes ini juga telah membenarkan perkahwinan bawah umur tersebut dalam keadaan terdapat banyak kekurangan semasa perbicaraan kes tersebut dijalankan. Kes ini merupakan satu contoh perbicaraan sebelum adanya SOP yang dikeluarkan oleh pihak JKSM. Dapat dilihat bahawa kekurangan dalam kes tersebut sedikit sebanyak boleh diatasi dalam perbicaraan yang diputuskan setelah adanya SOP tersebut. Namun demikian, walaupun berlaku penurunan dari segi jumlah perkahwinan bawah umur yang direkodkan setelah adanya SOP dari JKSM ini, namun tidak dinafikan bahawa jumlah tersebut masih lagi tinggi sepertimana yang telah dinyatakan di atas. SOP tersebut juga dilihat masih lagi belum sepenuhnya berjaya membendung isu perkahwinan bawah umur yang berlaku di Malaysia ini.

IMPLIKASI PERKAHWINAN BAWAH UMUR TERHADAP KANAK-KANAK

Kajian (Nik Wajis e.t, a.l, 2021), menjelaskan bahawa perkahwinan di bawah umur boleh

dikategorikan sebagai amalan tradisional yang memberi kemudahan kepada kesihatan kanak-kanak. Hal ini kerana, perkahwinan kanak-kanak boleh mendatangkan kemudahan kepada kesihatan fizikal kanak-kanak perempuan yang berkahwin dan hamil pada usia yang masih muda. Selain daripada itu, ianya turut memberi kesan terhadap emosi, sosial, kesihatan mental, dan rohani kanak-kanak terbabit. Secara biologi, remaja bawah umur belum bersedia untuk menjalani proses kehamilan secara sihat apatah lagi mempunyai mental dan fizikal menjadi seorang ibu dan kehamilan pada usia muda boleh meningkatkan risiko melahirkan bayi pramatang dan berhadapan komplikasi kerana sistem daya tahan kanak-kanak lebih rendah berbanding dewasa.

Kajian daripada UNICEF Innocent Research Center juga menyatakan bahawa golongan wanita yang berkahwin pada usia muda lebih berisiko untuk dijangkiti HIV. Masalah kesihatan yang dikaitkan tidak hanya mempengaruhi ibu yang hamil tetapi juga memberi risiko kepada anak yang bakal dilahirkan. Kajian menunjukkan bahawa bayi yang dilahirkan juga berkemungkinan lebih tinggi untuk tidak dapat diselamatkan atau menyebabkan kematian pada bayi tersebut.

Kanak-kanak perempuan yang berkahwin di bawah 18 tahun memulakan alam perkahwinan tanpa pengetahuan dan kemahiran hidup yang mencukupi. Ramai antara mereka mengalami masalah kesihatan dan tekanan mental yang parah. Kemurungan merupakan diagnosis yang paling biasa dilaporkan kerana mereka menghadapi satu peristiwa besar dalam kehidupan dan berisiko lebih tinggi untuk penyalahgunaan dadah (Che, 2022).

Selain itu, kanak-kanak tersebut terdedah kepada potensi dieksploitasi secara seksual dan emosi. Kanak-kanak yang berkahwin pada usia yang muda biasanya masih belum matang dan belum mampu membuat keputusan dengan bijak. Perkahwinan kanak-kanak mendedahkan isteri yang masih kanak-kanak kepada pengaruh suami yang lebih tua dan mudah dimanipulasi.

Menerusi laman sesawang Berita Harian (2022), perkahwinan bawah umur juga akan sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan kes keganasan rumah tangga atau penderaan. Semakin besar perbezaan usia dengan suami, semakin terdedah kepada keganasan yang mungkin akan dilakukan oleh pasangan. Remaja pada usia 11 hingga 18 tahun tidak seharusnya berdepan dengan risiko dan kesan negatif yang akan menjejaskan mental mereka. Sebaliknya mereka perlu mengisi waktu dengan menjalani kehidupan zaman persekolahan seperti kebanyakan remaja sebaya.

Selanjutnya, perkahwinan bawah umur membataskan hak pendidikan yang sewajarnya diperoleh dan dinikmati oleh kanak-kanak. Perkahwinan kebiasaannya menyekat peluang untuk kanak-kanak terutamanya perempuan untuk kembali ke sekolah, menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mengembangkan kehidupan. Hal ini kerana (Nik Wajis e.t, a.l, 2021) berkahwin dan mempunyai anak pada usia yang masih muda menjadikan mereka sukar untuk membahagikan masa dan keperluan kehidupan. Maka, kanak-kanak tersebut terpaksa mengakhiri zaman pendidikan lebih awal sedangkan perkahwinan bukanlah suatu penghalang bagi seseorang untuk mencapai kemahuan dan kehendak peribadi sekiranya ia diletakkan pada waktu dan masa yang sesuai.

CADANGAN

Isu perkahwinan bawah umur di Malaysia terus menjadi perbincangan hangat dalam kalangan penggubal dasar, ahli akademik, serta masyarakat umum. Meskipun undang-undang sedia ada termasuk Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) di bawah bidang kuasa sivil yang mana membenarkan perkahwinan bawah umur dengan kebenaran mahkamah, namun wujud keperluan mendesak untuk menilai semula ketetapan ini. Reformasi undang-undang dicadangkan bagi memastikan perlindungan hak dan kebajikan kanak-kanak selaras dengan prinsip keadilan dan maqasid syariah.

1) Penyelarasan had umur minimum perkahwinan.

Had umur minimum perlu dinaikkan kepada 18 tahun bagi lelaki dan perempuan di bawah kedua-dua sistem perundangan sivil dan Syariah. Langkah ini sejajar dengan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) yang ditandatangani oleh Malaysia, di samping memastikan keseragaman antara undang-undang negeri dan persekutuan. Penyelarasan ini juga akan mengurangkan percanggahan tafsiran dan meningkatkan perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak perempuan yang terdedah kepada risiko perkahwinan awal.

2) Mengetatkan prosedur kebenaran perkahwinan bawah umur oleh Mahkamah Syariah.

Kebeneran seharusnya hanya diberikan dalam keadaan luar biasa berdasarkan bukti kukuh serta penilaian menyeluruh terhadap aspek psikologi, sosial dan ekonomi pihak terlibat. Cadangan ini juga mencakupi keperluan untuk melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pakar kaunseling bertauliah dalam proses kelulusan. Garis panduan standard di peringkat nasional perlu diwujudkan supaya keputusan hakim Syariah menjadi lebih seragam dan berasaskan prinsip kebajikan anak.

3) Inisiatif pendidikan dan kesedaran masyarakat.

Program kesedaran mengenai kesan negatif perkahwinan bawah umur perlu diperluas di sekolah, institusi agama dan komuniti tempatan. Dalam masa yang sama, pendidikan seksual dan kekeluargaan berasaskan nilai Islam serta maqasid syariah harus diperkenalkan bagi membina kefahaman yang lebih mendalam tentang tanggungjawab dan kematangan sebelum berkahwin.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya perkahwinan bawah umur adalah perkahwinan kanak-kanak di mana had umur minimum adalah tertakluk kepada undang-undang bertulis yang terpakai terhadap kanak-kanak tersebut untuk berkahwin. Maka, tidak semua perkahwinan kanak-kanak sebelum usia lapan belas tahun boleh dikategorikan sebagai perkahwinan bawah umur kerana sekiranya undang-undang yang terpakai terhadap kanak-kanak tersebut menetapkan bahawa umur minimum berkahwin adalah pada umur enam belas tahun, jadi kanak-kanak tersebut tidak dianggap sebagai berkahwin bawah umur jika mereka berkahwin pada usia enam belas tahun atau tujuh belas tahun. Oleh yang demikian, walaupun perkahwinan bawah umur dibenarkan di Malaysia menurut undang-undang yang digubal baik melalui sistem perundangan sivil mahupun syariah, namun ianya perlulah diteliti lagi dengan lebih terperinci termasuklah mewujudkan

polisi-polisi baru yang boleh mengetatkan lagi syarat kebenaran perkahwinan bawah umur. Perkahwinan bawah umur bukanlah satu trend yang perlu diteruskan terutamanya pada masa kini yang kian mencabar.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Nurul Nadia binti Brahanuddin (Pemilihan data; Analisis data; Penulisan - draf asal.)

Nur Bahirah binti Baharum (Metodologi; Analisis data).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data dikumpul melalui data sekunder.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Akta Kanak-Kanak 2001.

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Akta Umur Dewasa 1971.

Anon.(2020). Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, <https://mobile.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Pelan%20Strategi%20Perkahwinan%20Bawah%20Umur/BUKU%20PELAN.pdf>.

Bernama. 2021. Tiada keperluan pinda had minimum perkahwinan perempuan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/899542/tiada-keperluan-pinda-had-minimum-perkahwinan-perempuan>. [10 Januari 2023].

Che. Z. (2022). Perkahwinan Bawah Umur, Apakah Kesan Kesihatannya? Getaran Dotcom Sdn Bhd. <https://www.getaran.my/artikel/tara/24423/perkahwinan-bawah-umur-apakah-kesan-kesihatannya>.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan 2018).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Hamzah, F., Mohd Jai, N., & Mohtar, N. (n.d) Perkahwinan Kanak-Kanak – Suatu Dilema. Kertas

penyelidikan – Program Kehakiman. 1-14.

- Hasnizam Hashim, H., Ghulam Khan, I.N., A. Shukor, H., & Yusof, N. (2019). Perkahwinan Bawah Umur Menurut Perspektif Undang-Undang Jenayah Islam Dan Undang-Undang Sivil Di Malaysia. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019).
- Hassim, M.H., Abu Bakar, M.A & Md Abdul Salam, N.Z. (2020.) Spektrum Perkahwinan Kanak-Kanak Di Malaysia: Kajian Perbandingan Antara Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri, Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Penceraian) 1976 Dan Konvensyen Antarabangsa. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 7(1): 20-44.
- Hazram, N.A & Azahari. R. (2021). Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid al-Sharī‘ah. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 6 (2): 32-42.
- Maliki, H.(2020). Pengenalan dan kesan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur. *Jejak Tarbiah*.
- Nik Wajis, N.R., Mochammad Sahid, M.,Hj Mohamad Yunus, M.I & Baharli, N.S (2020). Perkahwinan Kanak-Kanak Di Malaysia: Had Umur Minimum Dan Implikasinya. *Malaysian Journal of Syariah and law*. 8 (2): 15-30.
- Noor. Z. (2013). Perkahwinan Kanak-Kanak Dan Tahap Minima Umur Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam. *Jurnal Syariah*. 21 (2): 165-190.
- Parzi, M. N. (2025, Februari 28). 881 perkahwinan bawah umur direkodkan sejak 2022, Kelantan tertinggi. From BH Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1366810/881-perkahwinan-bawah-umur-direkodkan-sejak-2022-kelantan-tertinggi>.
- Sani, H.(2025, Februari 21). Statistik Perkahwinan Bawah Umur Turun Ketara dari The Merdeka Times:<https://themerdekaitimes.com/news/2025/02/statistik-perkahwinan-bawah-umur-turun>.